

## **LAPORAN AJK MULTIMEDIA DAN PUBLISITI PROJEK MASDAYA 2018**

Berikut merupakan laporan yang disediakan selepas Projek Masdaya dijalankan pada 28 Oktober 2018 :

### **1. Jumlah ahli yang terdapat dalam jabatan Multimedia dan Publisiti**

Jumlah ahli kumpulan telah ditetapkan pada kuliah pertama yang bertarikh 25 September 2018. Ahli kumpulan 6 adalah seramai 18 orang yang terdiri daripada 4 orang lelaki dan 14 orang perempuan. Semasa mengadakan perjumpaan, saya selaku ketua jabatan Multimedia dan Publisiti telah mengagihkan tugas-tugas kepada ahli kumpulan agar projek Masdaya berjalan dengan lancar. Pembahagian tugas dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu satu bahagian memfokuskan tentang multimedia, satu bahagian lagi menguruskan publisiti dan selebihnya bahagian mereka corak baju, penempahan baju dan sepanduk projek Masdaya. Setiap bahagian ini memainkan peranan dalam menjalankan skop tugas masing-masing. Alhamdulilah, secara keseluruhannya setiap ahli kumpulan memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam menjayakan Projek Masdaya.

### **2. Bidang tugas**

- ❖ Mereka corak baju yang bersesuaian dengan tema Projek Masdaya 2018.
- ❖ Mereka corak sepanduk, poster dan sijil penghargaan kepada peserta yang terlibat dalam Projek Masdaya.
- ❖ Membuka akaun *Facebook* dan *Youtube*.
- ❖ Membuat penempahan sepanduk bagi Projek Masdaya di Plaza Ivory.
- ❖ Membuat penempahan baju Projek Masdaya sebanyak 173 pasang termasuk pensyarah PGT203.
- ❖ Mengambil gambar dan video sepanjang Projek Masdaya berlangsung.
- ❖ Memuat naik gambar dalam *Facebook* dan video dalam *Youtube* Masdaya.
- ❖ Berhubung dengan pihak stesen radio Pulau Pinang untuk hebahan Projek Masdaya kepada orang awam.
- ❖ Membuat hebahan tentang Projek Masdaya di Masjid Universiti Sains Malaysia (USM).

### **3. Bajet yang digunakan dalam Projek Masdaya**

Bajet yang digunakan dalam jabatan ini hanya RM3587.20 yang melingkupi baju, sepanduk dan salinan poster Projek Masdaya.

<b>Bil</b>	<b>Butiran</b>	<b>Harga (RM)</b>
1.	Baju Projek Masdaya Pelajar = Rm 20.57 x 171 orang Pensyarah = Rm20.57 x 2 orang	3517.47 41.14
2.	Sepanduk dan Poster Projek Masdaya	27.20
	<b>Jumlah</b>	<b>3587.20</b>

### **4. Perkara yang perlu dilakukan :**

#### **SEBELUM :**

- Mereka corak pada baju bagi Projek Masdaya dan perlu mendapatkan persetujuan dan kelulusan daripada pensyarah PGT203.
- Mereka corak sijil penghargaan kepada peserta yang terdiri daripada pelajar Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) yang mengambil kursus PGT203, pelajar dari kursus lain dan peserta jemputan.
- Mereka corak sepanduk yang bersesuaian dengan tema Projek Masdaya.
- Membuat poster projek Masdaya.
- Membuka akaun *Facebook* dan *Youtube* untuk kegunaan Projek Masdaya.
- Membuat hebahan berkenaan Projek Masdaya di Masjid USM.
- Berhubung dengan pihak stesen radio Pulau Pinang untuk hebahan Projek Masdaya kepada orang awam.

### **SEMASA :**

- Mengambil gambar dengan menggunakan lima buah kamera yang diperoleh dalam kalangan pelajar PGT203.
- Merakam video sepanjang Projek Masdaya berlangsung.
- Mengangkat air mineral semasa tiba di Mydin, Kompleks Bukit Jambul, Pulau Pinang bagi membantu jabatan makanan dalam proses pemberian air minuman.
- Memasang sepanduk Projek Masdaya bersama ahli kumpulan yang lain.
- Menyusun atur kedudukan pelajar dan peserta yang terlibat dalam Projek Masdaya semasa sesi fotografi dijalankan.

### **SELEPAS:**

- ❖ Mengedit video dan gambar bagi Projek Masdaya untuk dimuat naik dalam *Facebook* dan *Youtube*.
- ❖ Memuat naik gambar-gambar dan video dalam *Facebook* dan *Youtube* Projek Masdaya PGT203.
- ❖ Memberikan akaun *Facebook* dan *Youtube* kepada ajk teater masdaya.

## **5. MASALAH YANG DIHADAPI**

### **27 OKTOBER 2018 (SEBELUM PROJEK MASDAYA)**

- ❖ Kami terpaksa mencari kamera untuk persiapan projek Masdaya kerana dimaklumkan bahawa kamera yang sedia ada tidak mampu bertahan dalam jangka masa yang lama.
- ❖ Kami mendapat makluman yang lewat bahawa sepanduk Projek Masdaya perlu diagihkan kepada ketua ajk aktiviti bagi pelancaran gimik perasmian Projek Masdaya.
- ❖ Bahagian Multimedia dan Publisiti perlu memainkan peranan dalam mengambil gambar dan merakam video untuk dimuat naik dalam laman *Facebook* dan *Youtube*. Kami mengalami masalah kerana kurang pakar dalam mengambil gambar dan penggunaan kamera yang terhad memaksa kami untuk meminjam kamera dari ahli kumpulan yang lain.

## **28 OKTOBER 2018 (SEMASA PROJEK MASDAYA)**

- ❖ Pada awal pagi, ahli ajk multimedia dan publisiti tiba di Mydin, Kompleks Bukit Jambul, Pulau Pinang untuk melakukan sedikit persiapan pada tempat kejadian. Semasa berada di tempat kejadian, kami mengalami masalah untuk menggantungkn sepanduk di atas pentas kerana difahamkan, pihak Mydin tidak menyediakan tali untuk menggantungkan sepanduk tersebut. Namun, masalah dapat diatasi dengan segera apabila ajk Multimedia dan Publisiti mengambil langkah lain dengan menggunakan penampal untuk menggantungkan sepanduk projek Masdaya.
- ❖ Ajk multimedia dan publisiti mengambil gambar dan merakam video setiap peserta yang menyertai pengucapan awam (Open Mic) di Mydin, Kompleks Bukit Jambul. Proses merakam video mengalami ganguan kerana video yang dirakam kedengaran iklan dari pihak Mydin.
- ❖ Kami juga menguruskan sesi bergambar mengikut kumpulan bersama dengan pensyarah PGT203. Sesi bergambar ini memakan masa kerana perlu mengatur setiap kumpulan untuk naik ke pentas bagi mengambil gambar tersebut.

## **29 OKTOBER 2018 (SELEPAS PROJEK MASDAYA)\**

- ❖ Ajk multimedia dan publisiti melakukan proses mengedit gambar dan video untuk dimuat naik di *Facebook* dan *Youtube*.
- ❖ Memuat naik gambar di *Facebook* dan memasukkan video ke dalam *Youtube* dengan kebenaran pensyarah PGT203.

## **6. CADANGAN/ PANDANGAN/KOMEN UNTUK PENAMBAHBAIKAN DALAM JABATAN.**

### **Komen :**

- ❖ Setiap tugas yang diberikan berjalan dengan lancar walaupun ada sesetengah pihak yang menyatakan bahawa tugas Multimedia dan Publisiti mempunyai beban tugas yang banyak. Namun demikian, ajk Multimedia dan Publisiti mengambil cabaran ini sebagai ilmu untuk digunakan pada masa kelak.

- ❖ Ajk Multimedia dan Publisiti menjalankan tugas yang diberi dengan baik dan siap mengikut masa yang ditetapkan.

#### **Cadangan/pandangan :**

- ❖ Pihak yang terlibat dalam bahagian multimedia dan publisiti perlu dibekalkan dengan kamera bagi setiap program yang dianjurkan kerana satu kamera sahaja tidak mencukupo untuk melakukan sesebuah program. Hal ini demikian kerana ajk Multimedia dan Publisiti terpaksa mencari sebanyak lima buah kamera dalam kalangan pelajar untuk digunakan semasa projek Masdaya.

### **7. CADANGAN MENAMBAH BAIK BAGI PROJEK YANG AKAN DATANG**

Cadangan bagi projek yang seterusnya ialah membuat penambahan ahli bagi ajk Multimedia dan Publisiti bagi mengatasi masalah kekurangan ahli. Di samping itu, ajk Multimedia dan publisiti perlulah berhubung dengan ajk Protokol bagi mengetahui tentatif projek yang dibuat supaya berjalan dengan lancar. Selain itu, untuk program sebegini, diharapkan agar mencari orang yang lebih pakar dalam mengambil gambar dan video. Alhamdulilah, ajk Multimedia dan Publisiti pada kali ini menjalankan tugasan dengan baik.

### **8. KESELURUHAN PROJEK MASDAYA**

Secara keseluruhannya, Projek Masdaya berjalan dengan lancar walaupun terdapat sedikit masalah yang timbul sebagai contoh pengurusan tempat apabila timbulnya kekecohan semasa mengedarkan air mineral kepada pelajar-pelajar PGT203 dan peserta yang terlibat. Kekecohan tersebut dapat diatasi apabila pensyarah PGT203 berurus dengan cara yang baik terhadap pihak Mydin. Bagi jabatan Multimedia dan Publisiti, kami hanya mengalami masalah kamera kerana kamera yang sedia ada tidak mampu bertahan dalam jangka masa panjang. Namun, terdapat kamera tambahan yang disediakan terlebih awal untuk persediaan bagi menghadapi sebarang masalah di luar jangkauan. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa Projek Masdaya berjalan dengan lancar dan dirasmikan oleh Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) iaitu Professor Madya Dr Shaikh Abdul Malik bin Mohamad. Kesemua ahli dalam kumpulan ini menjalankan tugas dengan baik berdasarkan skop tugas yang telah diberikan.

GAMBAR AHLI KUMPULAN ENAM BERSAMA DENGAN PENSYARAH PGT203



